

21 MAY 2003

AIDS-Kontroversi/I

WASPADA CUBAAN UNTUK HINA ISLAM - PENGRUSI MAJLIS FATWA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibrahim hari ini meminta penganjur seminar-seminar antarabangsa yang melibatkan isu-isu Islam agar berwaspada dengan cubaan kumpulan yang membuat tafsiran salah mengenai ajaran Islam demi kepentingan mereka.

"Pada masa depan, kita perlu lebih berhati-hati apabila menganjurkan seminar seperti itu kerana ada orang di luar sana yang mahu menggunakan platform seperti itu untuk tujuan tertentu, termasuk menyerang Islam," katanya kepada Bernama di luar persidangan antarabangsa mengenai pendekatan Islam dalam memerangi epidemik HIV/AIDS di sini.

Seminar lima hari yang bermula Isnin itu tercemar semalam apabila beberapa perwakilan meninggalkan majlis sebagai bantahan terhadap pembentangan kertas kerja oleh seorang ahli akademik dari Amerika Syarikat yang secara terbuka menyerang Islam.

Lebih 20 perwakilan yang kebanyakannya dari Afrika, Malaysia dan United Kingdom meninggalkan dewan persidangan di Hotel Istana selepas tidak dibenarkan oleh pengerusi sesi itu untuk menghujahkan pendapat Dr Amina Wadud, seorang profesor madya kajian Islam di Universiti Komanwel di Virginia.

Dr Amina mencetuskan kemarahan para peserta apabila berkata Islam gagal menangani AIDS, malah menindas wanita selain wanita adalah objek seks dan alat untuk memuaskan nafsu lelaki.

Dalam kertas kerjanya, Dr Amina bercakap mengenai cara Islam dan umat Islam sendiri memburukkan lagi penyebaran AIDS dan tindakan teologi tradisi Islam "sama sekali tidak boleh menyembuhkan AIDS".

Ismail berkata: "Al Quran tidak boleh ditafsir mengikut logik atau berdasarkan kepentingan atau niat seseorang itu".

Beliau berkata penganjur seharusnya memeriksa kertas-kertas kerja yang akan dibentangkan kerana banyak masa terbuang apabila pembentangnya berhujah mengenai isu yang tidak relevan dengan tema persidangan iaitu untuk mencari kaedah menyuntik dimensi Islam dalam memerangi penyakit yang membunuh berjuta-juta orang setahun.

"Kita sepatutnya membincangkan peranan pemimpin Islam seperti ulama dalam menangani HIV/AIDS, bagaimana mendidik masyarakat menjauhi amalan yang mendedahkan mereka kepada penyakit itu dan bukannya diganggu oleh isu-isu lain yang tidak relevan," katanya mengenai persidangan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Majlis AIDS Malaysia (MAM) itu.

Kumpulan yang meninggalkan majlis itu kemudian mengeluarkan satu kenyataan media yang menyatakan Dr Amina telah salah mentafsirkan ayat Al-Quran dan secara sengaja menyalahgunakan persidangan itu untuk menyerang dan menghina Islam.

Jurucakap kumpulan itu, Nazlin Omar Fazaldin Rajput, hari ini menggesa Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin yang merasmikan persidangan itu Isnin, menyatakan pendirian rasmi kerajaan Malaysia terhadap kertas kerja Dr Amina yang mencetuskan kontroversi masuk hari kedua hari ini.

Nazlin yang merupakan Penasihat Antarabangsa Islam mengenai AIDS, Wanita dan Jantina Kenya turut kesal apabila kumpulan yang membantah kertas kerja Dr Amina dan mendesak penyingkirannya itu, kini menerima "layanan negatif" daripada pihak penganjur.

"Kami menjadi sasaran dan diejek. Kami disisih dan tidak dibenar

menyertai bengkel-bengkel yang diadakan hari ini. Kumpulan kami hanya ingin mempertahankan Islam daripada dikufuri dan hari ini saya lihat ada kumpulan baru kebanyakannya wanita muda yang tidak kelihatan dalam persidangan dua hari lalu, mengejek kami.

"Saya merayu Menteri untuk campur tangan dan menerajui usaha menangani isu tersebut dan membuat pendirian mengenai serangan Amina terhadap Islam," katanya.

Dr Musa Nordin dari Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMA) yang merupakan antara mereka yang lantang mengkritik kertas kerja Dr Amina, berkata Dr Amina adalah penulis buku "Al Quran dari Perpekstif Wanita" yang diharamkan oleh kerajaan Malaysia.

"Kenapa penganjur menjemput seseorang untuk bercakap mengenai Islam sedangkan buku karangannya mengenai Islam diharamkan oleh kerajaan?" tanyanya.

Sementara itu, dalam sesi khas membincangkan kertas kerja Dr Amina pagi ini, ahli akademik Amerika dan penganjur persidangan menerima asakan daripada lebih ramai peserta termasuk beberapa orang yang meminta beliau bertaubat dan meminta maaf kepada umat Islam.

Prof Aly Mishal dari Jordan dan seorang imam dari Gambia, Sheikh Lee Baba, berkata Islam memberi layanan sama kepada wanita seperti yang diberikan kepada lelaki dan menolak sepenuhnya sebarang bentuk penindasan terhadap wanita dan banyak contohnya mengenainya terkandung di dalam Al Quran.

Kritikan terhadap penganjur hari ini menyebabkan Datin Paduka Marina Mahathir memberitahu sesi pagi bahawa beliau telah membuat keputusan untuk meletak jawatan sebagai pengerusi persidangan.

Bagaimanapun keputusan itu mendapat bantahan daripada kebanyakan peserta dan Marina, yang juga Presiden MAM, kemudiannya bersetuju untuk terus mempengerusikan persidangan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jakim Datuk Shahir Abdullah enggan mengulas mengenai kontroversi itu semasa ditemui para pemberita.

-- BERNAMA

AU AU MOZ